

13/08/1997

Seruan membina martabat negara

Lima Puluh, Lima Puluh

MINGGU ketiga dan terakhir Julai 1997 adalah minggu yang amat bermakna bagi Malaysia. Malaysia menjadi tumpuan dunia. Negara kita yang suatu ketika dulu tidak dikenali ramai menjadi bahan bualan. Ini kerana pada minggu itu Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) Ke-30 diadakan di negara kita. Melalui mesyuarat itu, Asean secara rasminya dianggotai sembilan negara - Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei Darussalam, Filipina, Vietnam, Laos dan Myanmar. Kejayaan penambahan anggota Asean ini amat dipuji kerana 'apa yang dikata tetap dikota'. Usaha untuk menambahkan keanggotaan Asean sudah diadakan sebelum ini. Langkah itu diambil dalam usaha merealisasikan peranan Asean mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau.

Dalam waktu yang sama, dunia memerhatikan pendirian Asean mengenai Kemboja. Ternyata Asean membuat pendirian yang konsisten apabila keputusan kemasukan Kemboja ditangguh ke tarikh lain dan Papua New Guinea pula diberi status pemerhati. Pada akhir mesyuarat beberapa kata sepakat dicapai. Antaranya ialah memperhebatkan usaha memerangi serangan spekulasi mata wang antarabangsa yang bertujuan menggugat ekonomi negara rantau ini. Keputusan itu adalah reaksi terhadap komen Datuk Seri Dr Mahathir Mohamaed, mengenai perbuatan 'penyangak' spekulasi.

Selepas Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM), Persidangan Selepas mesyuarat peringkat Menteri Asean pula diadakan. Persidangan itu disertai oleh sembilan anggota Asean, Amerika Syarikat, Russia, Kesatuan Eropah (EU), Kanada, India, China, Korea Selatan, Jepun, Australia dan New Zealand. Sewaktu persidangan, dunia sekali lagi gempar dengan usul Malaysia agar Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 disemak semula dan tindakan itu ditentang oleh Amerika syarikat dan Kesatuan Eropah. Dalam tempoh yang sama, Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 diadakan dan Malaysia mengutarakan konsep perkongsian bijak yang dapat menguntungkan semua pihak.

Daripada semua perkembangan itu ternyata kenyataan pemimpin kita mempunyai impak terhadap percaturan politik dan ekonomi dunia. Peristiwa sepanjang minggu itu memberi bukti pandangan Malaysia amat dihormati, mendapat sokongan banyak negara terutama negara yang sedang membangun.

Sepatutnya perkara yang berlaku di sepanjang minggu itu memberi ilmu dan pengajaran berguna kepada rakyat Malaysia. Sesuatu perlu dipelajari dan dijadikan iktibar agar semua lapisan masyarakat memainkan peranan membina martabat negara. Perkara yang dinyatakan oleh pemimpin kita bukan semata-mata untuk kenyataan atau propaganda politik, tetapi ia adalah sesuatu yang diperjuangkan. Kemungkinan tindakan itu menjadi sebahagian daripada hasrat yang tersirat di dalam 'perjuangan yang belum selesai'.

Namun begitu walaupun apa pun yang terjadi, apakah reaksi generasi muda di negara ini. Generasi muda tidak harus leka dengan kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang mantap. Persediaan yang dirasakan sesuai ialah kefahaman terhadap perkara yang tersurat dan tersirat dalam 'perjuangan yang belum selesai'.

Sebagai contoh reaksi generasi muda terhadap kenyataan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleinie Albright di Singapura mengenai kritikan Dr Mahathir? Menurut Albright 'Beliau (Dr Mahathir) mempunyai pandangan yang dinyatakan dengan kasar, pandangannya itu tidak membayangkan, pada pengamatan saya, kepemimpinan generasi muda Asean'.

Apakah maksud dan motif sebenar kenyataan Albright yang mengaitkan kenyataan Dr Mahathir dengan generasi muda Asean? Adakah kenyataan itu

bermotifkan iri hati kerana kritikan Perdana Menteri mengenai Amerika
dialukan oleh negara Selatan dan Asia Tenggara.